

**'Saya sendiri tak dapat memberhentikannya  
sekiranya ahli2 boleh dipengaruhi'**

# PM: UMNO mesti tolak politik wang

16 MAY 1985

Oleh  
Zainuddin Maidin

**K**UALA LUMPUR 15 Mei † Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan bahawa beliau tidak akan dapat memberhentikan "politik wang" di dalam UMNO sekiranya ahli-ahli UMNO sendiri boleh dipengaruhi dengan wang.

Katanya, sekiranya keadaan ini terus berlaku maka UMNO akan hancur.

Di dalam satu pertemuan dengan Utusan hari ini Presiden UMNO dan juga Perdana Menteri Malaysia itu memberikan perhatian berat terhadap penggunaan wang untuk merebut jawatan dan kedudukan yang sedang berlaku di dalam UMNO sekarang.

Katanya, "UMNO mesti menolak politik wang. Ahli-ahli

"Sekiranya orang - orang yang bertanding mendapati bahawa wang tidak boleh menjadi tangga untuk naik ke atas di dalam politik maka politik wang tidak akan berterusan," katanya.

Beliau seterusnya memberikan contoh pengalamannya sendiri apabila mahu mengambil tindakan terhadap seorang yang didapati rasuah.

Katanya, "apabila saya mengambil tindakan maka penyokongnya datang dan bermati - matian mempertahankan rasuah yang dilakukan oleh orang berkenaan. Sebabnya ialah kerana dia pernah mendapat pertolongan orang ini bagi mendapat pinjaman dari bank."

"Pemikiran seumpama inilah yang mengekalkan politik wang di dalam parti. Ini akan merosakkan parti dan juga merosakkan diri seseorang," tambahnya.

Menyentuh mengenai kecenderungan ahli-ahli UMNO membawa kes pertikaian parti ke mahkamah, Dr. Mahathir berkata, "saya menentang perbuatan ini."

"Krisis parti hendaklah diselesaikan di dalam parti menerusi jentera parti. Baik atau buruk keputusan itu mestilah diterima.

"Kalau semua kes parti dibawa ke mahkamah maka apakah akan jadi pada parti?" tanya beliau.

UMNO mesti menolak orang - orang yang menggunakan wang untuk mendapat kedudukan di dalam parti."

Ditanya tidakkah kerana adanya kepercayaan bahawa dengan menjadi ketua bahagian akan terpilih menjadi wakil rakyat telah menyebabkan adanya orang yang sanggup mencurahkan wang yang banyak untuk merebut jawatan itu? Dr. Mahathir menjawab, "tidak semestinya seorang ketua bahagian akan dipilih untuk menjadi wakil rakyat."

Beliau kemudiannya menarik perhatian terhadap ucapan-nya di mesyuarat perwakilan UMNO bahagian Ampang Jaya baru-baru ini di mana beliau berkata ada calon - calon yang menjangkakan bahawa jika dia menjadi ketua bahagian maka harapannya untuk menjadi wakil rakyat atau Exco negeri atau menteri adalah cerah.

Katanya "anggapan ini tidak benar, pemilihan menjadi calon dan sebagainya adalah bergantung kepada pucuk pimpinan berdasarkan kepada penilaian - penilaian tertentu."

Ditanya tidakkah beliau boleh mengambil langkah - langkah tertentu untuk memberhentikan "politik wang", Dr. Mahathir menjawab "saya sendiri tidak boleh memberhentikan perbuatan ini."

Beliau bertanya, "bagaimanakah saya akan memberhentikan perbuatan ini sedangkan ada ahli-ahli UMNO sendiri yang boleh dipengaruhi dan dibeli dengan wang?"

"Janganlah kita membenarkan diri kita dipengaruhi dengan wang oleh orang - orang yang hendak merebut jawatan. Kalau ini terus berlaku maka UMNO akan hancur.

"Tidak ada negara yang boleh membersihkan rasuah kalau rakyat sendiri membiarkan perkara itu.

"Kiranya rakyat sanggup untuk membetulkan nilai - nilai yang salah dan menerima sistem nilai yang baik maka kita akan berjaya".